

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JTW 400 – Pengurusan Perniagaan Kecil**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA (5) soalan. Jawab SOALAN 1 yang diwajibkan di Bahagian A dan jawab EMPAT (4) soalan yang lain daripada Bahagian B.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Soalan Bahagian A diperuntukkan 40 markah dan soalan Bahagian B diperuntukkan 60 markah.

**BAHAGIAN A: Soalan wajib.**

1. Anda bercadang untuk membuka sebuah perniagaan kecil bermodalkan sejumlah RM15,000. Terangkan kriteria yang perlu dipertimbangkan oleh anda untuk mewujudkan perniagaan tersebut. Nyatakan kawasan perniagaan yang menjadi pilihan anda untuk menjayakan perniagaan tersebut. Berikan kelebihan dan kekurangan yang boleh anda perolehi dari pemilihan kawasan tersebut.
- [40 markah]

**BAHAGIAN B: Jawab 4 soalan.**

2. Terangkan bajet tunai dan langkah asas bagi penyediaannya?
- [15 markah]
3. (a) Proforma penyata kewangan adalah perlu bagi sesebuah perniagaan. Terangkan definisi proforma penyata kewangan dan kegunaannya kepada perniagaan kecil.
- [10 markah]
- (b) Terangkan maksud kredit dagangan. Bagaimana ia boleh membantu perniagaan kecil dari aspek sumber pinjaman.
- [5 markah]
4. Terangkan analisa nisbah yang disenaraikan:
- (i) Nisbah kecairan
  - (ii) Nisbah keumpilan (leveraj)
  - (iii) Nisbah operasi
- [15 markah]
5. Bincangkan perbezaan di antara ekuiti kapital dengan ekuiti hutang. Nyatakan kelebihan dan kekurangan bagi ekuiti tersebut.
- [15 markah]
6. Terangkan strategi usahawan global yang boleh digunapakai untuk mencapai cita-cita pengembangan perniagaan. Senaraikan 5 kelebihan dari penggunaan laman web dalam usaha mengembangkan perniagaan.
- [15 markah]